

PERATURAN PERMAINAN PING PONG

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 Undang - undang Permainan

1.1.1 Selain daripada peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan diputuskan mengikut **Undang-Undang Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF)** dan terjemahan **Persatuan Ping Pong Malaysia (TTAM)** yang berkuatkuasa pada ketika ini.

1.1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka Undang-undang Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

1.2 Perkara Yang Tidak Dinyatakan

1.2.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Pertandingan akan dijalankan secara Individu iaitu :

- 2.1.1 Perseorangan Lelaki
- 2.1.2 Perseorangan Wanita
- 2.1.3 Bergu Lelaki
- 2.1.4 Bergu Wanita
- 2.1.5 Bergu Campuran

2.2 Pendaftaran dan Pembentukan Pasukan

2.2.1 Setiap IPT dibenarkan mendaftar maksimum dua (2) penyertaan bagi setiap acara.

2.2.2 Seorang pemain dibenarkan mengambil bahagian lebih dari satu kategori.

2.2.3 Bilangan pemain.

BILANGAN PEMAIN	LELAKI	WANITA
Maksimum	8	8

2.2.4 Bilangan pemain dan pegawai adalah seperti berikut ;

SUKAN	ATLET		PEGAWAI	JUMLAH
	LELAKI	WANITA		
Individu	8	8	4	20

2.3 Sistem Pertandingan

2.3.1 Semua acara akan dijalankan secara kalah mati (*Knock out*) bermula pusingan awal dan seterusnya.

2.3.2 Semua perlawanan akan dijalankan secara lima (5) permainan terbaik daripada lima (5) permainan (*best of five (5) games*) dengan kiraan 11 mata bagi setiap set mengikut ketentuan berikut :

2.3.2.1 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-2

2.3.2.2 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-1

2.3.2.3 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-0

2.4 Penentuan Kemenangan

2.4.1 Setiap pemain yang mendapat 3 set terbaik dikira pemenang seperti berikut :-

2.4.1.1 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-0

2.4.1.2 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-1

2.4.1.3 Setiap individu yang mendapat keputusan 3-2

2.5 Kelewatan dan Ketidakhadiran

2.5.1 Setiap pemain perlu melaporkan diri di meja panggilan **5 minit** sebelum perlawanan bermula serta perlu membawa **kad akreditasi**.

2.5.2 Hanya **5 minit** sahaja akan diberi kepada setiap pemain yang lewat dan selepas itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 11 – 0, 11– 0, 11 – 0.

2.5.3 Setiap pemain yang akan bermain untuk perlawanan seterusnya diberi masa rehat selama 10 minit.

2.6 Menarik Diri dan Menyerah Kalah

2.6.1 Setiap pemain hendaklah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan melainkan telah mendapat pengesahan kecederaan daripada Pegawai Perubatan yang disediakan oleh Pihak Penganjur. Jika tidak, pemain tersebut boleh disingkirkan daripada pertandingan ini.

3. PAKAIAN DAN PERALATAN

3.1 Rujuk Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

3.2 Pakaian Pertandingan

3.2.1 Setiap pemain perlu memakai pakaian yang tertulis nama pasukan yang diwakili di bahagian belakang baju.

3.2.2 Bagi acara bergu, pemakaian baju pemain hendaklah sama darisegi warna dan corak.

3.2.3 Setiap pemain dilarang memakai baju yang sama warna dengan bola pertandingan.

3.2.4 Setiap pemenang perlu berpakaian sopan semasa Majlis Penyampaian Hadiah.

3.3 Peralatan Pertandingan

3.3.1 Peralatan pertandingan yang digunakan semasa pertandingan adalah mengikut Undang-undang Permainan Ping Pong seperti yang telah ditetapkan oleh Persekutuan Ping Pong Antarabangsa (ITTF).

3.3.2 Para peserta hanya perlu membawa bad ping pong sendiri semasa kejohanan.

3.3.3 Tidak dibenarkan menggunakan **getah yang diubahsuai** dan sekiranya terdapat aduan pemain tersebut boleh disingkirkan daripada kejohanan.

3.3.4 Bola plastik saiz 40+ mm berwarna putih sahaja digunakan pada kejohanan ini.

4. HADIAH

4.1 Rujuk Perkara 16 Peraturan Am SUKIPT V, 2020.

4.2 Jumlah pingat yang ditawarkan :

ACARA / KATEGORI	EMAS		PERAK		GANGSA	
	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah	Ditawarkan	Jumlah
Perseorangan Lelaki	1	1	1	1	1	1
Perseorangan Wanita	1	1	1	1	1	1
Bergu Lelaki	1	2	1	2	1	2
Bergu Wanita	1	2	1	2	1	2
Bergu Campuran	1	2	1	2	1	2
JUMLAH	5	8	5	8	5	8